

**PANDUAN PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED
BERASASKAN KECEMERLANGAN KALI PERTAMA (TBK1)
DAN KALI KEDUA (TBK2)
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA**

| KENAIKAN PANGKAT TBK1 | KENAIKAN PANGKAT TBK2 |
|--|---|
| Pegawai Yang Layak Dipertimbangkan: | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang dilantik secara tetap; 2. Berada di gred lantikan dan telah memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan semasa pada atau selepas 1 Julai 2013; 3. Pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang berada di gred kenaikan pangkat yang setara dengan gred lantikan permulaan dalam sesuatu kumpulan kelayakan masuk; 4. Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Julai 2013 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas; | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang dilantik secara tetap; 2. Memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat pada atau selepas 1 Januari 2018; 3. Pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang dilantik secara terus ke gred lantikan yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat. 4. Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2018 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas di lapisan pertama gred kenaikan pangkat. |
| Pegawai Yang Tidak Layak Dipertimbangkan: | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2018. |
| Syarat Kenaikan Pangkat: | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan (bagi TBK1); 2. Diperakukan oleh Ketua Jabatan; 3. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; 4. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib; 5. Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); 6. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam Pendidikan tegar dari institusi pinjaman Pendidikan; | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih di lapisan pertama gred kenaikan pangkat pada atau selepas; 2. Diperakukan oleh Ketua Jabatan; 3. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; 4. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib; |

LAMPIRAN A

| KENAIKAN PANGKAT TBK1 | KENAIKAN PANGKAT TBK2 |
|--|---|
| 7. Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini; 8. Memperoleh penilaian kecemerlangan di tahap BAIK atau CEMERLANG; dan 9. Telah menandatangani Borang Akuan Sumpah Bebas Jenayah. | 5. Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); 6. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam Pendidikan tegar dari institusi pinjaman Pendidikan 7. Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini; 8. Memperoleh penilaian kecemerlangan di tahap BAIK atau CEMERLANG; dan 9. Telah menandatangani Borang Akuan Sumpah Bebas Jenayah. |
| Tempoh Perkhidmatan Yang Diambil Kira: | |
| 1. Bermula daripada tarikh lantikan tetap dalam skim perkhidmatan semasa ; 2. Bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan berikutan keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang sama/setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama), tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan diambil kira ; 3. Pegawai yang ditukar lantik tanpa opsyen atas permohonan sendiri ke skim perkhidmatan dan gred yang sama yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan, tempoh perkhidmatan pegawai dalam skim perkhidmatan terdahulu boleh diambil kira; | 1. Bermula daripada tarikh kenaikan pangkat ke lapisan pertama gred kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan semasa . 2. Tempoh perkhidmatan yang diambil kira ini termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan atas keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan lain pada gred yang sama/setara (dalam kumpulan kelayakan masuk yang sama); 2.2 Tempoh perkhidmatan pegawai dalam gred jawatan sebelum ditukar lantik atas permohonan pegawai ke skim perkhidmatan dan gred yang sama di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan; 2.3 Tempoh perkhidmatan pegawai di jawatan pertukaran sementara/peminjaman sebelum ditukar tetap ke agensi peminjam di gred yang sama/setara; dan |

LAMPIRAN A

| KENAIKAN PANGKAT TBK1 | KENAIKAN PANGKAT TBK2 |
|--|--|
| | <p>2.4 Tempoh perkhidmatan pegawai yang melepasi atau meletak jawatan dan dilantik semula ke skim perkhidmatan yang sama dan gred yang setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat.</p> |
| Tempoh Perkhidmatan Yang Tidak Diambil Kira: | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh percubaan dengan denda, tempoh hilang kekananan di gred semasa akibat daripada dikenakan hukuman tatatertib di gred tersebut, jumlah hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji dan semua jenis cuti yang dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji; 2. Pegawai yang dilantik melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) atau Peningkatan Secara Lantikan (PSL), tempoh perkhidmatan sebelumnya tidak diambil kira oleh kerana pegawai telah diberi peningkatan ke suatu gred yang lebih tinggi tarafnya; 3. Pegawai yang memilih opsi pertukaran pelantikan atas keputusan Kerajaan ke skim perkhidmatan yang sama atau skim perkhidmatan yang lain pada gred lantikan yang lebih tinggi (kumpulan kelayakan masuk lebih tinggi), tempoh perkhidmatan sebelumnya tidak diambil kira kerana pegawai telah menikmati kenaikan ke gred yang lebih tinggi. Contoh: Skim Perkhidmatan Jaga Gred R1 dan R4 yang ditukar lantik ke Pengawal Keselamatan Gred KP11. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh percubaan dengan denda (bagi pegawai yang dilantik terus ke gred lantikan yang setara dengan gred kenaikan pangkat); 2. Jumlah hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah; 3. Tempoh hilang kekananan di gred semasa akibat daripada dikenakan hukuman tatatertib di gred tersebut; 4. Semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji dan semua jenis cuti yang dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Cuti Belajar Separuh Gaji. |